

Publication	Harian Metro	Section / Page	Online	Date	26 July 2021
Headline	Takaful Eksklusif Buat Pelanggan LPPSA				



Takaful eksklusif buat pelanggan LPPSA

Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (Takaful Malaysia) melalui anak syarikatnya, Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (STMAB) bekerjasama dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) memperkenalkan pelan kemalangan diri yang berpatutan secara eksklusif untuk pelanggan LPPSA.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil berkata, Takaful myProtect PA adalah satu lagi mercu tanda kepada hubungan kerjasama yang lama terjalin.

Katanya, ketika ini pihaknya antara panel insurans untuk LPPSA yang menawarkan *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT) bagi pembiayaan rumah kepada kakitangan di sektor awam.

“Tawaran Takaful myProtect PA melalui Program i-Prihatin LPPSA ini adalah bukti komitmen berterusan kami dalam menyediakan penyelesaian insurans untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan LPPSA dan tambah nilai pada produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan,” katanya

dalam kenyataan.

Skim berkenaan menyediakan perlindungan kemalangan diri secara menyeluruh sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, keilatan menyeluruh atau separuh dan kekal sehingga RM100,000.

Pelanggan LPPSA layak untuk memohon pelan perlindungan tambahan dengan sumbangan berpatutan pada hanya RM100 setahun serta menerima pelbagai manfaat dan perlindungan, termasuk perlindungan tambahan untuk kematian akibat kemalangan atau keilatan menyeluruh dan kekal akibat kemalangan ketika melancong ke luar negara atau dalam pengangkutan awam.

Katanya, selain itu ia juga memberikan manfaat dan perlindungan lain seperti badal haji, perbelanjaan perubatan dan bayaran ambulans, perbelanjaan pengebumian, elaun kecederaan akibat diragut, kehilangan akibat rompakan mesin pengeluaran wang automatik, elaun penyembuhan denggi, dan pendapatan harian hospital akibat kemalangan,” katanya.